



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

13 Zulkaedah 1443 / 13 Jun 2022

- I. Hari ini, Isnin, 13 Zulkaedah 1443 bersamaan dengan 13 Jun 2022, sebanyak **518 kes baru** telah dilaporkan iaitu 513 kes hasil ujian ART dan 5 kes adalah hasil dari 643 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu. Oleh itu, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah **153,611 kes**. Statistik harian COVID-19 yang lain pula adalah seperti berikut:
 - i) **Terdapat 1 kes** yang dikategorikan dalam Kategori 5 yakni mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU). Manakala, **satu kes** sedang berada di kategori 4 yakni mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
 - ii) Sebanyak **317 kes telah disahkan sembuh** yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada **150,550 kes**.
 - iii) Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak **2,836 kes** iaitu 23 kes sedang dirawat di hospital manakala 2,813 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.

2. Oleh kerana semua pusat vaksinasi tidak beroperasi semalam, statistik terkini program vaksinasi kekal seperti yang dinyatakan di dalam Sidang Media semalam iaitu jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama bagi kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun ialah **83.9%** dan **67.5%** bagi dos kedua. Dalam pada itu, liputan bagi rakyat dan penduduk negara ini yang telah mendapatkan tiga dos vaksin kekal sebanyak **71.8%**.

3. Dalam pada itu, mengambilkira dapatan-dapatan kajian saintifik yang menunjukkan warga emas dan mereka yang mempunyai keadaan imunokompromi (*immunocompromised conditions*) adalah berisiko lebih tinggi untuk mendapat kesan yang berat daripada jangkitan COVID-19 walaupun telah mendapatkan vaksinasi penggalak pertama sebelum ini (*booster*). Dengan ini, Kementerian Kesihatan sukacita memaklumkan bahawa pemberian vaksin penggalak kedua COVID-19 kini dibukakan secara sukarela bermula 15 Jun 2022 bagi mereka di dalam kategori-kategori berikut:
 - i) Orang dewasa berumur 80 tahun ke atas;
 - ii) Orang dewasa berumur 60 tahun ke atas yang menghidap penyakit kronik;
 - iii) Orang-orang berumur 18 tahun ke atas yang mempunyai keadaan imunokompromi; dan
 - iv) Pekerja penjagaan kesihatan dan pekerja barisan hadapan yang terdedah kepada risiko jangkitan yang tinggi.

Pemberian dos penggalak kedua COVID-19 ini boleh didapati di mana-mana pusat suntikan tertentu sahaja dan hanya akan diberikan setelah lima bulan selepas dos penggalak pertama COVID-19 diperolehi. Orang ramai yang memenuhi kriteria-kriteria di atas adalah dialu-alukan untuk mendapatkan dos tambahan ini.

4. Seterusnya, sepertimana Kenyataan Jawatankuasa Pandu COVID-19 mengenai pengemaskinian Langkah-Langkah Pengawalan COVID-19 pada 09 Jun 2022, Sidang Media Kementerian Kesihatan yang diadakan setiap hari akan digantikan dengan sesi mingguan yang akan diadakan pada setiap Isnin bermula hari 13 Jun 2022. Oleh dengan itu, *dashboard* maklumat mengenai situasi COVID-19 akan dikeluarkan pada setiap hari di laman sesawang Kementerian Kesihatan atau mana-mana platform lain yang bersesuaian bagi terus memberikan maklumat terkini kepada orang ramai.
5. Marilah kita berdoa semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa berada di dalam keadaan yang sihat, selamat, sejahtera dan berada di dalam lindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aamin Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 13 Zulkaedah 1443H / 13 Jun 2022